

08/09/1999

PTPUKM-MTDC rintis kerjasama strategik

Hizral Tazzif Hisham

PENUBUHAN Pusat Teknologi Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia-MTDC (PTPUKM-MTDC) bertujuan menyahut seruan kerajaan bagi mewujudkan kepakaran dalam pelbagai bidang sains dan teknologi.

Melonjak dari tradisi sebagai pembuat produk mahir, matlamat kini lebih menjurus kepada proses pembangunan dan pembuatan produk dari awal kerja pembangunan, reka bentuk sehingga peringkat pengkomersilan.

Untuk sampai ke tahap itu, tiga kriteria penting harus dipenuhi iaitu menjalinkan hubungan erat antara universiti dan institusi penyelidikan, menggalakkan pertumbuhan teknologi berdasarkan lokasi dan memanfaatkan sistem pengurusan bersifat komersil bagi memasarkan pelbagai produk berteknologi tinggi.

Semua ini diharap dapat dicapai di PTPUKM-MTDC yang menggabungkan semua itu serta kemudahan, kepakaran dan sokongan yang tersedia dari kawasan persekitaran.

Pengarah Biro Rundingan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Marzuki Mustafa, berkata konsep pusat berkenaan berdasarkan kepada teknologi kelompok dengan MTDC mencadangkan supaya setiap pusat inkubator yang didirikan mempunyai pengkhususan tersendiri.

"Pusat ini menekankan kepada bidang bioteknologi, farmaseutikal dan bioinformatiks di samping pembangunan multimedia, kejuruteraan, pembuatan termaju, kejuruteraan persekitaran, teleperubatan dan bahan termaju," katanya kepada KOMPUTER ketika ditemui di pejabatnya di Bangi, minggu lalu.

Katanya, pusat ini menyediakan ruang dan prasarana bersesuaian bagi tujuan inkubasi teknologi dalam bidang bioteknologi terutamanya konsep teknologi kelompok seperti yang disarankan dalam Pelan Induk Industri Kedua Malaysia (IMP2).

"Antara kegiatan pusat ini ialah menyediakan khidmat perundingan dalam bidang bioteknologi dan bidang pembangunan teknologi termasuk perniagaan pengurusan dan teknikal.

"Ia turut mempunyai pangkalan data bersifat sejagat bagi membantu penyewa mendapatkan maklumat mengenai perundingan perkhidmatan dan peralatan," katanya.

Prasarana sistem rangkaian komputer yang disediakan merangkumi Sistem Rangkaian Setempat (LAN) dan Sistem Rangkaian Meluas (WAN) bagi membolehkan penyewa berkomunikasi serta memperolehi maklumat lebih pantas dan sistematik.

"Melalui prasarana sistem rangkaian komputer sedia ada, syarikat yang menyewa dapat berkomunikasi serta mendapatkan maklumat lebih cepat dan sistematik supaya perniagaan dan pasaran dapat diperluaskan," katanya.

Beliau berkata, UKM memilih bidang bioteknologi (biotek) kerana berpendapat biotek adalah bidang dengan potensi besar untuk dikembangkan berdasarkan sumber genetik yang banyak di negara ini.

"Kajian terhadap dadah misalnya, memerlukan pelbagai kepakaran daripada peringkat asas hingga ke ujian klinikal terhadap manusia. UKM kini mempunyai semua peralatan yang diperlukan untuk tujuan itu," katanya.

Pusat Teknologi pintar itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok adalah unik kerana setiap bangunan melambangkan komponen yang terdapat di dalam sel.

Ia selaras dengan hasrat pusat berkenaan untuk muncul sebagai nadi penyelidikan dan pembangunan bioteknologi terunggul negara. Selari dengan

tema itu, penamaan blok bangunan mengikut terma seperti nukleus, plasma, ribosom, stroma, grana dan interon-ekson.

Sehubungan itu, akademi bioteknologi pertama di negara ini turut didirikan di pusat terbabit dan bertujuan membantu serta menyokong hasrat negara terutama dalam sumbangan bioteknologi di IMP2.

Selain itu, pusat berkenaan dilengkapi peralatan pejabat, jaringan maklumat, peralatan makmal, kemudahan mempakej teknologi ke pasaran, perkhidmatan mendapatkan pengiktirafan teknikal standard, geran dan pinjaman serta bilik mesyuarat dengan pelbagai kemudahan alat pandang dengar.

Pembinaan bangunan mula dibangunkan akhir tahun 1996 kini sudah siap dan beroperasi di kawasan seluas enam ekar di Bangi dengan kos sebanyak RM8 juta.

Walaupun masih baru, tapak teknologi itu sudah mempunyai penghuni dan usaha pembangunan sedang rancak berjalan.

"Empat syarikat terbabit dalam bidang multimedia termasuk syarikat usaha sama UKM yang terbabit dalam pembangunan kandungan perisian kursus matematik bagi sekolah bestari serta penyelidikan komuniti elektronik yang dilaksanakan Majlis Teknologi Maklumat Negara," katanya.

Berdasarkan kemudahan tersedia, beliau yakin PTPUKM-MTDC dapat menarik minat syarikat bioteknologi luar negara terutamanya yang bergiat dalam program peningkatan penyelidikan dan pembangunan.

Penubuhan pusat itu, katanya, dapat memberi manfaat kepada saintis UKM kerana jika selama ini penyelidikan mereka mungkin tersimpan di dalam perpustakaan, kini dapat dimanfaatkan orang ramai.

"Saintis UKM dapat melaksanakan proses integrasi ilmu, kepakaran dan pemasaran agar ia dapat dijadikan budaya di kalangan ahli akademik selaras dengan usaha pengkorporatan UKM," katanya.

Antara syarikat bioteknologi yang sudah menyewa di pusat berkenaan ialah Malaysian Bio-Diagnostics Research Sdn Bhd (MBDR), Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd dan Akademi Bioteknologi UKM-MTDC.

Pengarah Eksekutif MBDR, Ambok Chening Meri, berkata syarikatnya yang sudah beroperasi selama lima tahun sejak 1994 memberi tumpuan terhadap pengeluaran kit typhidot (demam kepialu) yang mendapat sambutan hangat di Filipina.

"Dengan menyewa di pusat ini maka kami dapat menjalinkan kerjasama erat antara penyelidik bagi memudahkan perkhidmatan perundingan dilakukan di samping kemudahan makmal berdekatan," katanya.

MBDR yang ditubuhkan hasil penyelidikan dua saintis daripada Universiti Sains Malaysia bagi menangani masalah demam kepialu melalui ujian pantas kit typhidot untuk mengesan sama ada pesakit berkenaan menghidapinya atau tidak.

Menurutnya, MBDR juga mengeluarkan kit ujian dadah yang digunakan pihak polis, tentera dan penjara yang mana ia dapat memberikan hasil ujian dalam masa yang singkat.

Katanya, MBDR akan mengeluarkan kit ujian mengandungi yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok apabila beliau melakukan perasmian dan lawatan ke pusat ini.

(END)